



PERINCIAN PROGRAM-PROGRAM RAKAN KERJASAMA

Untuk siaran segera

Senarai rakan kerjasama dan program acara untuk Bulan Bahasa betul dan tepat sewaktu dokumen ini disusun dan disemak.

Sila lungsuri laman Facebook fb.com/majlisbahasa atau laman Instagram @bulanbahasa untuk maklumat terkini. Program acara Bulan Bahasa tertatluk pada perubahan.



A'art

TANGGANG

Program ini merupakan sebuah persembahan dan bengkel teater untuk kanak-kanak, berdasarkan kisah Tanggung, yang dikendalikan dalam talian. Ia bertujuan untuk memupuk minat kanak-kanak dalam bidang seni dan pementasan teater. Mereka akan diajar kemahiran dan teknik-teknik untuk berkomunikasi secara efektif.

A'ARTS REPERTOIRE THEATRE (AWAL'LIYAH JA'AFAR)

A'Arts Repertoire Theatre ditubuhkan pada tahun 2019 oleh Awal'liyah Ja'afar. Awal'liyah Ja'far, melalui A'Arts Repertoire Theatre, beraspirasi untuk memberikan motivasi dan inspirasi kepada kanak-kanak untuk menceburi bidang seni teater. Beliau mengharapkan melalui pementasan dan persembahan teater interaktif yang menarik dapat mencetuskan minat kanak-kanak terhadap seni teater.



ACE The Place CC
MAEC



MESRA



People's Association



RAKYAT BERPANTUN

Rakyat Berpantun memperkenalkan seni pantun kepada para peserta. Program ini terbahagi kepada dua bahagian.

Para peserta akan mula mempelajari tentang pantun melalui sebuah bengkel. Mereka juga akan diperkenalkan dengan fungsi pantun yang digunakan sebagai wadah komunikasi tradisional. Kemudian, mereka akan mengambil bahagian dalam sebuah pertandingan. Para peserta yang berumur 9 tahun dan ke bawah akan membuat lukisan berkonsepkan pantun yang diberikan. Peserta yang lain pula harus membuat pantun berdasarkan tema yang diberikan (contohnya Wabak Covid-19). Jawapan yang terbaik dan paling kreatif akan diberikan hadiah.

ACE THE PLACE CC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Kelab Masyarakat (CC) ACE The Place memainkan peranan penting untuk bantu membangunkan masyarakat setempat secara amnya, dan meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu secara khususnya dalam aktiviti dan kegiatan yang berunsurkan budaya dan bahasa Melayu.



WACANA SASTERA 2020

Wacana Sastera 2020 merupakan forum perbincangan dan wadah buat masyarakat setempat untuk berkumpul bersama bagi menghayati perkembangan bahasa Melayu. Ia juga bertujuan untuk memperkenalkan dan menarik minat generasi muda secara khususnya kepada puisi dan sajak Melayu.

ANGKATAN SASTERAWAN '50

Angkatan Sasterawan '50 (atau lebih dikenali sebagai Asas '50) ialah sebuah pertubuhan sastera pertama di Malaya yang ditubuhkan pada Ogos 1950. Asas '50 merupakan pertubuhan sastera bersifat kemasyarakatan dan menggunakan bahan sastera sebagai wadah mencapai kemerdekaan untuk Malaya pada tahun 1957. Bertunjangkan prinsip 'Seni untuk Masyarakat', Asas '50 merupakan agen pencorak perkembangan sastera Melayu moden melalui Kongres Bahasa yang merubah lanskap persuratan Nusantara. Setelah berpisah daripada Malaysia, Asas '50 mula bergerak dengan slogan 'Seni Bina Manusia' dalam hasrat membangunkan semangat para penulis Singapura melalui penyatuan yang utuh. Hasrat ini akhirnya melahirkan Hadiah Sastera 1975 hasil daripada Perkampungan Sastera yang berlangsung pada 1974.



RAPATSENI: BERSERI LAKON & ALUN 2.0

Rapatseni merupakan program Melayu di The Arts House. Ia sebuah siri program muzik dan puisi yang menyambut kepenyairan Melayu Singapura dan keindahan bahasa, muzik, budaya dan tradisi. Berseri Lakon & Alun, yang boleh diinterpretasikan sebagai 'seni ialah puisi hidup, muzik ialah tarian dunia', edisi Rapatseni ini akan mengetengahkan puisi Singapura yang melihat jiwa dan cinta melalui perspektif seorang penulis.

Kisah ini menceritakan sudut pandang seorang penulis tentang cinta yang dilalui sendiri oleh dua orang pemuda yang sedang dilamun kasih. Gambaran penulis tidak semestinya menggambarkan kejadian seperti mana yang berlaku kepada sepasang kekasih tatkala perlu menempuh ombak dan badai di dalam hubungan mereka dan pada masa hadapan.

ARAS THEATRE PRODUCTION

Aras Theatre Production bekerja rapat dengan belia dan ditubuhkan di Kelab Masyarakat Tampines West sebagai sebuah Kumpulan Minat Para Belia (Youth EC Interest Group). Ditubuhkan pada tahun 2015, Aras bergerak aktif di kalangan penggiat teater masyarakat dan juga berkolaborasi bersama badan-badan seperti PAYM, Pusaka Seni, WildWhiz Learning, CNB, Renta Collective dan banyak lagi.

Aras Theatre Production bertujuan memberi platform kepada para belia untuk mengetengahkan daya kreatif mereka dan memberikan ruang untuk mereka mengekspresikan diri melalui bidang seni.



BENGKEL BAYANG BONEKA KONTEMPORARI

Bengkel ini bertujuan untuk menggalakkan keluarga-keluarga mempelajari seni bayang boneka. Kemudian, mereka akan berpeluang untuk mereka sebuah cerita berdasarkan tema Bulan Bahasa (Cita. Citra. Cinta) dan membuat pementasan mini berdasarkan cerita rekaan cerita masing-masing.

BAYANG TROUPE

Bayang Troupe adalah sekumpulan artis profesional yang berpengalaman lebih daripada 10 tahun dalam bidang persembahan. Mereka mempunyai misi untuk melatih, membimbing dan menghiburkan pemuda dan khalayak ramai dengan menggunakan boneka dan wadah persembahan yang lain.



CELIK KEWANGAN DAN BAJET KELUARGA

Program ini terbahagi kepada dua bahagian. Pada bahagian pertama, segmen kenal-suai untuk memperkenalkan kosa kata mudah dan konsep yang relevan dengan subjek kewangan akan dijalankan. Bahagian kedua pula ialah permainan belanjawan bulanan keluarga. Fasilitator akan mengisytiharkan Kad dan setiap pasukan keluarga perlu mengambil tindakan, sama ada membuat keputusan pendapatan atau perbelanjaan. Pada pengakhiran program, para peserta akan mengambil bahagian dalam kuiz ringkas untuk mengukur kefahaman mereka sebagai penutup program.

BIO DEW MANAGEMENT INTERNATIONAL & INSTITUTE (BDMI)

BDMI merupakan sebuah pertubuhan yang menyediakan kursus perkahwinan dan keluarga untuk orang ramai. Dengan pengalaman yang melebihi 30 tahun, pengasas BDMI telah membantu ramai peserta kursus untuk berhemah apabila menggunakan wang dan memperkukuhkan perkahwinan mereka.



MAECares
BISHAN TOA PAYOH GRC



People's Association

SEMARAK BUDAYA @ TOA PAYOH

Pelbagai aktiviti yang dapat memenuhi semua peringkat umur akan dijalankan pada program ini yang akan disiarkan secara langsung di Facebook Live. Aktiviti-aktiviti itu termasuk pertandingan puisi, persembahan dikir barat, persembahan kompang dan juga beberapa permainan untuk menarik minat para penonton. Matlamat program ini adalah untuk mempromosikan penggunaan bahasa Melayu dan memberikan kesedaran kepada para penonton terhadap warisan budaya Melayu.

BISHAN-TOA PAYOH GRC MAEC, MARYMOUNT CC MAEC DAN TANJONG PAGAR CC MAEC

Jawatankuasa-jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Kelab Masyarakat (CC) Marymount dan Tanjong Pagar serta MAEC-MAEC di bawah payung GRC Bishan-Toa Payoh memainkan peranan penting untuk bantu membangunkan masyarakat setempat secara amnya, dan meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu secara khususnya dalam aktiviti dan kegiatan yang berunsurkan budaya dan bahasa Melayu.



PERADUAN PEMUZIK JALANAN

Peraduan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran para peserta terhadap bahasa dan budaya Melayu. Para peserta berpeluang untuk menunjukkan kreativiti mereka dalam penggunaan bahasa Melayu dalam persembahan mereka melalui penulisan lirik lagu. Lirik harus ditulis berdasarkan tema Bulan Bahasa (Cita. Citra. Cinta.). Kriteria penilaian akan mengikut tema tersebut. Lima kumpulan terbaik akan dipilih.

BRADDELL HEIGHTS CC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Kelab Masyarakat (CC) Braddell Heights memainkan peranan penting untuk bantu membangunkan masyarakat setempat secara amnya, dan meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu secara khususnya dalam aktiviti dan kegiatan yang berunsurkan budaya dan bahasa Melayu.



RAMPAI BUDAYA: CITRA SUARA KITA

Program ini ialah himpunan pelbagai persembahan dalam talian yang menyerlahkan keindahan bahasa dan budaya Melayu dalam suasana mesra. Ini termasuk persembahan instrumental dan lagu tradisional serta lagu-lagu puitis yang menggugah fikiran dan perasaan.

CHONG PANG CC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Kelab Masyarakat (CC) Chong Pang memainkan peranan penting untuk bantu membangunkan masyarakat setempat secara amnya, dan meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu secara khususnya dalam aktiviti dan kegiatan yang berunsurkan budaya dan bahasa Melayu.



KREATIF PERIBAHASA

Kreatif Peribahasa ialah sebuah bengkel yang mencabar para peserta akan pemahaman peribahasa mereka melalui lukisan, tulisan dan lakonan. Bengkel ini akan dimulakan dengan latihan asas bagi teknik-teknik pertuturan dan lakonan.

KREATIF BAHASA BERSAMA

Sebagai pengenalan, para peserta akan sama-sama dibawa ke sebuah pasar raya untuk membeli bahan-bahan bagi mempersiapkan hidangan keperluan majlis hari lahir. Sebuah pengalaman yang berkaitan dengan tema makanan ini akan memanfaatkan pancaindera para peserta melalui aktiviti visualisasi. Kemahiran mendengar dan ekspresi oral dan lukisan akan dibangkitkan. Program ini memberi peluang kepada ibu bapa dan anak-anak mereka untuk berkongsi pengalaman makan bersama-sama.

ELEMENTS PICTURES

Elements Pictures telah menghasilkan kerja-kerja dalam pelbagai bentuk seni seperti lukisan, muzik, filem dan banyak lagi. Ia juga pakar dalam latihan pertuturan dan lakonan untuk sekolah-sekolah.

MENCARI BUDAYA DAN BAHASA

Program ini ialah permainan ala *scavenger hunt* khusus buat ibu bapa dan anak-anak mereka. Ia bertujuan untuk memperkenalkan bahasa dan budaya Melayu kepada kanak-kanak dalam suasana yang santai dan menarik.

FUNPLAY WORKSHOP

Funplay Workshop ditubuhkan dengan misi untuk mengajar dan menghiburkan khalayak ramai. Mereka telah mengendalikan bengkel dan program latihan dan juga menyediakan pelbagai khidmat termasuk pengurusan acara.



RAKAN BAHASA CILIK

Program ini mempamerkan pameran secara bertema yang menarik, seperti wayang kulit, kuih-muih tradisional dan lukisan batik serta kegiatan-kegiatan yang interaktif untuk para pengunjung/penonton. Program ini memberikan peluang kepada dosen-dosen anak kecil (yang merupakan pelajar-pelajar Ilham Child Care) untuk berkongsi minat mereka terhadap bahasa dan budaya Melayu.

ILHAM CHILD CARE

Ditubuhkan pada 2013, Ilham Child Care ialah sebuah pusat penjagaan kanak-kanak. Kemudahan-kemudahannya yang lengkap dan baik membantu mengekalkan suasana kekeluargaan. Ilham Child Care percaya dalam pengasuhan dan pembentukan pelajar-pelajar yang holistik dengan memberikan peluang pembelajaran yang sama kepada setiap pelajar.



FORUM BUAL KARYAWAN SENI

Forum ini khas untuk para pelajar dan belia yang berminat untuk menceburi bidang kesenian sebagai pekerjaan. Forum ini memberi peluang kepada para peserta bagi mengembangkan bidang seni tempatan.

POP DIKIR

Bengkel ini dikendalikan oleh Duta Bahasa Aqmal Noor. Beliau akan menerokai dunia muzik dan lirik, dan mengajar para peserta cara-cara menggubah lagu kontemporari pop dengan menggunakan lagu dikir barat. Para peserta juga akan mempelajari perbezaan antara struktur lirik dalam penggubahan lagu dikir barat dan lagu kontemporari, serta penggunaan bahasa yang amat penting dalam proses penulisan ini.

KAMELIA CO.

Kamelia Co. ialah sebuah organisasi kesenian dan kebudayaan yang mengutamakan pembangunan keupayaan dan peningkatan profesional penggiat-penggiat seni demi mengembangkan kesenian Melayu di Singapura dan serantau. Kamelia Co. menyediakan wadah dan program-program termasuk dokumentasi dan kajian seni Melayu demi pembangunan budaya, seni dan warisan negara.

PERMAINAN ANAK KAMPUNG

Majlis Pusat Singapura akan memuat naik video-video di laman media sosial sepanjang bulan, dan video-video ini akan menampilkan permainan-permainan tradisional seperti kleret, bola lubang, canang, batu serembat, bang-bang selebu dan tunjuk jari (emak pergi pasar).

MAJLIS PUSAT SINGAPURA

Majlis Pusat Singapura ditubuhkan pada 1969 oleh ketua-ketua masyarakat Melayu/Islam setempat yang mementingkan isu perpaduan di antara khalayak masyarakat, terutamanya selepas perpisahan Singapura dan Malaysia.



KARYA PANTUN

Karya Pantun merupakan (yang dianjurkan bersama Centre for Fathering) sebuah peraduan pantun. Setiap pantun harus mengandungi 3 rangkap pantun empat kerat. Penyertaan yang kurang daripada tiga rangkap dianggap sebagai batal. Manakala yang lebih daripada tiga rangkap, juri akan menilai hanya tiga rangkap pertama sahaja.

M³@WOODLANDS

Dilancarkan pada Julai 2019, M³@Woodlands bertujuan memperkasa masyarakat (khususnya penduduk-penduduk GRC Sembawang) supaya berkembang maju di tengah-tengah ekonomi tidak menentu dan dunia yang pesat berubah.



[ONE STORY] BACAAN CERPEN PEDATI PERANG DHARMA

Program pembacaan cerpen Pedati Perang Dharma karya Sithuraj Ponraj ini dilaksanakan oleh seorang penulis tempatan. Para peserta berpeluang untuk berkongsi pandangan tentang karya ini untuk mengembangkan perbincangan mengenai tema dan persoalan yang ditimbulkan dalam karya ini.

[ONE STORY] BENGKEL PENULISAN FIKSYEN KILASAN UNTUK REMAJA

Dikendalikan oleh seorang penulis mapan, para peserta dapat mengasah kemahiran mereka dalam menulis fiksi kilasan (*flash fiction*) melalui program ini. Kaedah menghasilkan karya yang bilangan perkataannya terhad, plot yang tidak kompleks serta watak and perwatakan yang berkembang dalam batasan yang ditetapkan juga akan dikongsikan. Tema dan persoalan cerita adalah berdasarkan perbincangan inti cerpen Pedati Perang Dharma karya Sithuraj Ponraj.

[ONE STORY] BENGKEL PENULISAN LIRIK LAGU WARISAN ANAK WATAN

Lirik lagu menggambarkan pemikiran dan aspirasi pengarang terhadap apa yang diperhatikan pada keadaan sekelilingnya. Berdasarkan perbincangan tentang cerpen Pedati Perang Dharma yang berlatar belakang Arab Street sekitar tahun-tahun 1970an hingga 1980an, para peserta akan dibimbing dalam menghasilkan lirik lagu yang mengekspresikan pandangan mereka tentang beberapa aspek terpilih yang terlahir daripada karya itu. Program ini akan dikendalikan oleh Mohd Khair Mohd Yasin, seorang komposer, penulis lirik dan penyanyi mapan tempatan.

BICARA KARYA: DI MANA INTELEKTUAL KITA? PEMIKIRAN PRAMOEDYA ANANTA TOER & SYED HUSSEIN ALATAS OLEH OKKY MADASARI

Salah satu karya penting Syed Hussein Alatas ialah *Intelektual di Negara Membangun* (1977). Intipati yang masih ketandusan di dalam pengkaryaan Pramodya ialah pemikiran Sikap dan Peran Intelektual di Dunia Ketiga (1981). Dengan bersandarkan kepada dua pemikiran yang meluas ini akan menjadi lebih penting bagi menentukan arah masyarakat Melayu pada hari ini dan di masa depan.

GIG PUISI@SERAMBI FB

Gig Puisi merupakan platform tetap bagi mengetengahkan para penyajak dan peminat puisi Melayu untuk mempersembahkan pelbagai puisi karya asli dan yang sudah diterbitkan. Wadah ini juga meraikan para penulis tempatan dan menyediakan ruang bermakna bagi para aktivis kesusasteraan serta orang awam bersama-sama membangunkan pengetahuan dan penghargaan terhadap kesusasteraan Melayu dalam suasana santai.



[ONE STORY] KELAB MEMBACA ILHAM PUSTAKA: MELUNGSURI LORONG-LORONG NOSTALGIA DI ARAB STREET BERSAMA HIDAYAH AMIN

Tetamu istimewa, Hidayah Amin, seorang penulis tempatan akan mengendalikan sesi perbincangan khas tentang cerpen Perang Pedati Dharma karya Sithuraj Ponraj yang berlatar belakang Arab Street pada tahun-tahun 1970an hingga 1980an. Beliau akan turut mengaitkan inti karya ini dengan pengalaman peribadinya membesar di kawasan Kampung Gelam yang bersebelahan dengan latar cerpen ini. Para peserta akan dapat berkongsi pengalaman mereka yang ada kaitan sama.

KELAB MEMBACA ILHAM PUSTAKA

Kelab membaca ini bertemu pada setiap bulan untuk membicarakan pelbagai karya dan kesusasteraan Melayu dalam suasana santai. Para peserta berhimpun dan bergilir-gilir membuat perkongsian secara sukarela. Sesi interaktif ini bermanfaat dalam membangunkan ilmu, pengetahuan dan pengalaman menghayati persuratan Melayu kita.

MASA BERCEKITA

Sesi bercerita bahasa Melayu dalam talian telah dilancarkan pada April 2020. Ia kini sering ditonton ramai orang. Sesi-sesi yang dikendalikan oleh para pustakawan dan penulis tempatan ini diadakan pada Sabtu pertama dan ketiga pada setiap bulan.

SESI BERCEKITA BERSAMA MARIA MAHAT

Program ini menampilkan sesi bercerita Maria Mahat yang menggunakan dua buah buku bersiri, iaitu Serupa Tidak Sama dan Mari Berlumba! Para peserta juga berpeluang menjawab soalan kuiz dan menemu ramah beliau.

[PESTA BUKU MELAYU SINGAPURA] KELAB MEMBACA ILHAM PUSTAKA: SASTERA DIGITAL: POTENSI & REALITI

Covid-19 telah mempercepatkan proses pendigitalan kesusasteraan Melayu. Daripada penghasilan e-buku, kini usaha menghidupkan dan mengembangkan kesusasteraan Melayu menjadi pesat. Demi kelangsungan urusan pemasaran karya pada waktu ini, kegiatan kesusasteraan di peringkat individu mahupun serantau dapat dimanfaatkan. Program ini menampilkan para panelis yang akan berbincang tentang potensi pendigitalan dalam membangunkan kesusasteraan Melayu semasa.

[PESTA BUKU MELAYU SINGAPURA] BENGKEL MEMUPUK MINAT MEMBACA

Tabiat membaca boleh dipupuk dalam diri kanak-kanak sejak awal lagi. Bengkel ini bertujuan membantu para ibu bapa memperolehi kemahiran menyemai minat dan cinta terhadap amalan membaca dalam diri anak-anak mereka. Antara topik yang disentuh termasuklah jenis-jenis buku bergambar dan pemilihan buku. Program ini sesuai untuk ibu bapa, pengasuh dan pendidik kanak-kanak berumur 1 - 8 tahun.



SARANAN BACAAN


Perkongsian bahan-bahan bacaan menarik pelbagai genre untuk segenap lapisan umur akan dilaksanakan, dan ia dianjurkan dua kali sebulan. Tajuk-tajuk yang diketengahkan meliputi koleksi fizikal dan juga e-Buku. Program ini merupakan usaha berterusan mempromosi koleksi luas Perkhidmatan Pustakawan Melayu (Malay Library Services) menerusi wadah dalam talian bagi menggalakkan orang ramai meminjam bahan-bahan bacaan tersebut.

[ONE STORY] TEATER FORUM: BUKAN SUKA-SUKA! BERDASARKAN CERPEN PERANG PEDATI DHARMA

Teater Artistik akan mempersembahkan teater forum berdasarkan cerpen Perang Pedati Dharma. Para penonton dijemput untuk berkongsi reaksi dan berpeluang mengutarakan pandangan tentang kepelbagaian cara mengembangkan cerita menurut cita rasa masing-masing.

LEMBAGA PERPUSTAKAAN NEGARA

Lembaga Perpustakaan Negara (NLB) merupakan sebuah agensi di bawah naungan Kementerian Perhubungan dan Penerangan (MCI) yang menguruskan Perpustakaan Negara, Perpustakaan-perpustakaan Awam dan Arkib Nasional. Ia menggalakkan pembacaan, pembelajaran dan literasi maklumat dengan menyediakan perpustakaan dan perkhidmatan mendapat maklumat yang mudah ditelusuri, boleh dipercayai dan bertaraf global melalui Perpustakaan Negara dan perpustakaan-perpustakaan awam. Dengan menjalinkan perhubungan yang strategik untuk memupuk perkongsian ilmu, perpustakaan-perpustakaan juga menggalakkan penghargaan dan kesedaran mengenai sejarah Singapura melalui pelbagai acara yang dianjurkan.



MALAM SASTERA PERBAYU 2020

Malam Sastera Perbayu 2020 bertujuan untuk menetengahkan bakat sastera kreatif para belia Melayu. Ia akan mempamerkan persembahan-persembahan berdasarkan karya terpilih daripada e-buku yang akan dilancarkan oleh Kumpulan Karyawan Melayu NTU-NIE (KKM NTUE-NIE). Selain menghiburkan penonton, persembahan juga akan memperlihatkan fleksibiliti sastera Melayu - menterjemahkan cerpen ke dalam pelbagai bentuk seni persembahan.

NTU-NIE PERBAYU

Dengan misi melestarikan bahasa dan budaya Melayu, PERBAYU merupakan sebuah platform yang menggalakkan masyarakat Melayu menyumbang kembali kepada masyarakat tempatan. Acara-acara dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan, dirancang khas bagi masyarakat Melayu di NTU / NIE dan generasi muda. Selain itu, PERBAYU bekerjasama dengan pelbagai pihak yang mempunyai visi yang sama.

KKM NTU-NIE

Kumpulan Karyawan Melayu NTU-NIE (KKMNN) ialah sebuah kumpulan yang memperjuangkan bahasa Melayu di bawah naungan NTU-NIE PERBAYU. Kumpulan ini ditubuhkan pada tahun 2018 dengan hanya 9 ahli perintis. KKMNN mempunyai visi untuk melestarikan bahasa dan sastera dalam kalangan pelajar. Misinya adalah untuk menganjurkan acara-acara bahasa serta menghasilkan karya-karya asli oleh pelajar serantau, untuk pelajar serantau. Acara kemuncak KKMNN merupakan acara yang seialiran dengan inisiatif Bulan Bahasa. Tahun ini, KKMNN akan melancarkan sebuah e-buku yang merupakan antologi cerpen yang ditulis, disemak dan diterbitkan oleh ahli-ahli KKMNN sendiri. E-buku ini menjadi asas tema-tema dan isu-isu yang akan diketengahkan melalui persembahan-persembahan sewaktu Malam Sastera Perbayu 2020.



FORUM BANGSAWAN – BUDAYA SOSIAL BANGSAWAN DALAM PEMIKIRAN MASYARAKAT MELAYU

Program ini akan menayangkan video persembahan bangsawan Satria Menara Putih. Ia akan diikuti dengan perbincangan mengenai elemen budaya sosial yang terkandung dalam persembahan bangsawan.

OMBAK SCRIPTHOUSE PRODUCTION

Ombak Scripthouse Production didaftarkan pada April 2010 dengan tujuan untuk memberi sokongan kepada penerbitan seni tanah air. Antara program-program yang telah disempurnakan termasuk Bengkel Gendang, Lakonan, Penulisan Novel, Pencetakan dan Pelancaran Buku, Persembahan Teater, Muzik, Puisi, Pertandingan Drama, serta acara-acara bercorak kebahasaan di peringkat sekolah dan pertubuhan-pertubuhan seni di Singapura dan luar negara.



SAYEMBARA SOLOISTARI

Pertandingan ini mengajak para peserta untuk menghayati dan meluahkan erti sesebuah lagu dengan membentuk lenggok tari daripada senarai lagu yang disediakan. Persembahan haruslah berlandaskan terhadap kesantunan dan kebudayaan Melayu.

PERKUMPULAN SENI

Pertemuan seniman daripada pelbagai bidang pada tanggal 8 Julai 1956 membawa kepada penubuhan Perkumpulan Seni dengan tujuan untuk memperkembangkan dan memelihara keaslian dan nilai kesenian Melayu. Dengan berlandaskan cogan kata 'Seni untuk Rakyat', Perkumpulan Seni juga bertujuan untuk membimbing dan membina pengertian seni dalam masyarakat. Selain daripada mementaskan persembahan dan menerbitkan buku, Perkumpulan Seni juga aktif dalam pelbagai kegiatan seni Melayu seperti drama, tarian dan kesusasteraan, di dalam dan di luar negara.



SAYANGI BAHASA KITA

Program ini ingin memberikan pendedahan kepada kanak-kanak tentang bahasa Ibunda. Ia juga ingin menggalakkan penggunaan bahasa Melayu secara meluas di dalam aktiviti harian mereka. Selain itu, program ini bertujuan untuk memupuk minat mereka dalam mengenali kehidupan, sejarah dan seni budaya dalam bahasa Ibunda.

PPIS CHILD DEVELOPMENT CENTRE

PPIS Child Development Centre merangkumi tujuh pusat yang bekerjasama untuk mengadakan acara bagi Bulan Bahasa. Ia memartabatkan pendidikan bahasa dan budaya Melayu, serta pembangunan watak bagi pelajar-pelajar mereka.



MENCARI SUARA SI FERI

Peraduan suara ini memerlukan para peserta untuk mengirim rakaman mereka membaca buku Feri Si Kapal Pesiar dengan sebutan baku. 10 peserta terbaik akan dijemput untuk sesi latihan cara membaca dengan baik. Peserta-peserta ini akan diberikan teks buku yang baharu untuk dibaca dalam pusingan separuh akhir. Lima peserta terbaik kemudian akan dipilih untuk pusingan akhir. Pemenang pertama akan dijemput untuk membuat rakaman untuk audiobuku Siri Feri Mengembara Ke Negara ASEAN.

BERCERITA DENGAN BELON & AKTIVITI BERSAMA ABANG HAMID

Program ini menampilkan sesi bercerita berdasarkan enam cerita buku kanak-kanak karya tempatan dengan menggunakan watak-watak yang diperbuat dengan belon. Sesi ini akan diikuti dengan aktiviti membuat satu watak daripada salah satu buku cerita.

VIDEO ANIMASI SIRI GPS2

Pustaka Nasional akan muat naik video-video animasi cerita kanak-kanak di laman Facebooknya. Tajuk-tajuk cerita kanak-kanak yang akan ditampilkan termasuk:

1. Pensel Warna Kuning Mimi oleh 'Aishah Bte Sidik & Muhammad Asyraf Bin Haron
2. Telur Emas Permaisuri oleh Noor Farzianah Bte Noor Aziz & Nur Syafizah Binte Rohayat
3. Hari Ini Hari Apa? oleh Kasmira Binte Ibrahim & Siti Shahirah Samad
4. Kucing Baharu Fandi oleh Nadirah Azman & Raudah Bte Abdul Karim
5. Di Mana Butang Baju Danial? oleh Nur Sodiqin Binte Mohd Fuad & Nur Syafinah Binte Zainal
6. Apa Nama Kuih Ini? oleh Maria Humairah Bte Roslan & Siti Salmah Bte Hamid

PUSTAKA NASIONAL

Pustaka Nasional bermula sebagai sebuah kedai buku pada awal 1960. Pada 1963, ia mula menerbitkan buku agama dan cerita kanak-kanak, dan selanjutnya karya sastera seperti novel dan antologi puisi dan cerpen, dan buku teks untuk sekolah dan madrasah. Para penulisnya termasuk sasterawan negara, asatizah dan ahli akademik dari Nusantara. Kini ia juga menerbitkan karyanya dalam format digital seperti e-buku dan buku audio. Visinya ialah untuk menerbitkan karya berkualiti yang memenuhi keperluan masyarakat Melayu/Islam.



MERANGKUL ALAM

Merangkul Alam bertujuan untuk meningkatkan penggunaan bahasa, dan pembelajaran tentang warisan dan budaya Melayu melalui aktiviti-aktiviti interaktif dalam talian di kalangan penduduk semua kaum. Mari belajar menanam ulam raja dalam keselesaan kediaman anda sendiri, dan terokai seni dan teknik lukisan batik serta ikuti Nek Selampit dalam sesi bercerita secara langsung dan interaktif dalam program ini!

TAMAN JURONG CC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Kelab Masyarakat (CC) Taman Jurong memainkan peranan penting untuk bantu membangunkan masyarakat setempat secara amnya, dan meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu secara khususnya dalam aktiviti dan kegiatan yang berunsurkan budaya dan bahasa Melayu.



BENGKEL 'LENGGOK' BANGSAWAN

Dianjurkan bersama Anggerik Temasek Bangsawan, para peserta akan diperkenalkan kepada dunia Bangsawan dari segi bacaan skrip pementasan Bangsawan. Mereka akan didedahkan kepada elemen "Lenggok Bangsawan" dan juga cara-cara menggunakannya. Lenggok, iaitu cara nada yang dituturkan oleh seseorang pelakon Bangsawan, adalah salah satu elemen penting yang menjadikan sesuatu persembahan itu sebuah persembahan Bangsawan. Para peserta juga akan diperkenalkan kepada sejarah Bangsawan dan juga bahasa istana serta bahasa kiasan.

MINGGU SERUMPUN BUDAYA

Minggu Serumpun Budaya memaparkan episod pada setiap malam selama seminggu, di mana tetamu jemputan akan berkongsi pengetahuan mereka, mengenangkan perjalanan mereka dan mempamerkan bakat mereka.

PESTA BUKU MELAYU SINGAPURA 2020

Pesta Buku Melayu Singapura 2020, sebuah acara yang dikomisyenkan oleh #BuySingLit, kembali untuk tahun yang kedua. Tahun ini, pesta buku berlangsung selama lapan hari dan dipersembahkan dalam talian di laman-laman Facebook Pesta Buku Melayu Singapura dan Wisma Geylang Serai.

Pesta ini bertemakan Meraikan Karya Melayu Singapura. Pesta ini bertujuan untuk mencetus minat kepada sastera Melayu Singapura dan mengundang rakyat Singapura meraikan buku-buku oleh para penulis, ilustrator dan penerbit watan.

WISMA GEYLANG SERAI

Sejak sekian lama, Geylang Serai telah menyumbang kepada identiti nasional berbilang kaum Melayu yang bertenaga dan menjadi kebanggaan semua rakyat Singapura. Wisma Geylang Serai ditubuhkan sebagai sebuah hab yang menempatkan pelbagai badan Melayu/Islam, agensi sosial dan pemerintah di bawah satu bumbung. Usana ini membenarkan Wisma Geylang Serai menjadi hab sesuai untuk mengadakan pelbagai acara bagi memenuhi keperluan masyarakat Melayu setempat.



Senarai Rakan Kerjasama:

1. A'Arts Repertoire Theatre (Awal'liyah Ja'far)
2. ACE The Place CC MAEC
3. Angkatan Sasterawan '50
4. Aras Theatre production
5. Bayang Troupe
6. Bio Dew Management International and Institute
7. Bishan-Toa Payoh GRC MAECs, Marymount CC MAEC dan Tanjong Pagar CC MAEC
8. Braddell Heights CC MAEC
9. Chong Pang CC MAEC
10. Elements Pictures
11. Funplay Workshop
12. Ilham Child Care
13. Kamelia Co.
14. Majlis Pusat Singapura
15. M³@Woodlands
16. Lembaga Perpustakaan Negara (NLB)
17. NTU-NIE Perbayu dan Kumpulan Karyawan Melayu NTU-NIE
18. Ombak Scripthouse Production
19. Perkumpulan Seni
20. PPIS Child Development Centre
21. Pustaka Nasional
22. Taman Jurong CC MAEC
23. Wisma Geylang Serai

Senarai rakan kerjasama dan program acara untuk Bulan Bahasa betul dan tepat sewaktu dokumen ini disusun dan disemak. Sila lungsuri laman Facebook fb.com/majlisbahasa atau laman Instagram @bulanbahasa untuk maklumat terkini. Program acara Bulan Bahasa tertatluk pada perubahan.